



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 5/2015  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TATACARA, KUASA MEMBENARKAN, PENETAPAN ELAUN SARA HIDUP, KELAS  
PENERBANGAN, KEMUDAHAN PENGINAPAN DAN ELAUN PENGANGKUTAN BAGI  
PEGAWAI/KAKITANGAN YANG DIHANTAR UNTUK BERTUGAS ATAU MENGHADIRI  
PERSIDANGAN/MESYUARAT**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sukacita dengan ini dimaklumkan bahawa tafsiran dan kuasa membenarkan bagi perkara-perkara yang dimaksudkan dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 18/1995 dan 6/1997 adalah dengan ini dikemaskini seperti berikut:-

**1. TAFSIRAN**

- 1.1 Dihantar bertugas adalah dimaksudkan apabila pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam termasuk Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Simpanan Gurkha, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Badan-Badan Berkanun seperti di **LAMPIRAN 1** diarahkan untuk melaksanakan tugas-tugas yang telah ditetapkan dalam penentuan pekerjaannya atau kerja-kerja yang diarahkan kepadanya di luar negeri dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau kebenaran Yang Berhormat Menteri yang berkenaan;
- 1.2 Menghadiri persidangan/mesyuarat adalah dimaksudkan apabila seseorang pegawai dibenarkan menghadiri persidangan/mesyuarat dua hala, serantau dan antarabangsa yang mana Negara Brunei Darussalam mempunyai kepentingan. Bagi pegawai-pegawai yang diberi mandat untuk membincangkan isu-isu atau agenda-agenda dimana mereka dimestikan untuk mempertahankan, menjaga atau mempromosikan kepentingan Negara, hendaklah menyediakan "position paper" yang telah diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan;
- 1.3 Isi kandungan ketetapan dalam "position paper" itu tidak boleh diubah-ubah semasa menghadiri persidangan/mesyuarat tanpa kebenaran Yang Berhormat Menteri berkenaan;
- 1.4 Pendirian yang melibatkan dasar Kementerian lain hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan Kementerian yang berkenaan sebelum "position paper" itu dihadapkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk diluluskan dan dibawa ke persidangan/mesyuarat;
- 1.5 Penyertaan tersebut adalah atas salah satu sebab-sebab berikut:-
  - i) Negara atau agensi Kerajaan menjadi Ahli Rasmi pada pertubuhan/badan atau persidangan/mesyuarat tersebut;



- ii) Negara atau Agensi Kerajaan membayar sumbangan mandatori tahunan (*annual mandatory contribution*) di persidangan/mesyuarat tersebut;
- iii) Kerajaan mempunyai atau memegang saham dalam sesuatu pelaburan atau "joint-ventures";
- iv) Perbincangan dua hala yang melibatkan kepentingan Negara;
- v) Negara atau agensi Kerajaan menghadiri persidangan/mesyuarat sebagai pemerhati.

## 2 KUASA MEMBENARKAN

- 2.1 Tempoh bagi menghadiri persidangan/mesyuarat ini pada lazimnya hanya jangka masa pendek, iaitu dalam masa satu (1) hari atau tidak melebihi dua (2) minggu. Persidangan/mesyuarat yang melebihi dua (2) minggu adalah tertakluk kepada titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau budi bicara Yang Berhormat Menteri berasaskan seperti berikut:-
  - i) Bagi Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap kuasa membenarkan untuk dihantar bertugas atau menghadiri persidangan/mesyuarat ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan sokongan Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dengan sesuatu isu/perkara atau persidangan/mesyuarat yang akan dihadiri mereka;
  - ii) Bagi pegawai-pegawai yang lain, kuasa membenarkan untuk dihantar bertugas atau menghadiri persidangan/mesyuarat adalah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tertakluk kepada garispandu di perenggan 2.2 dan 2.3 di bawah.
- 2.2 Jumlah perwakilan pegawai-pegawai untuk menghadiri persidangan/mesyuarat/bertugas adalah tertakluk kepada peringkat penyertaan aktif Negara/Kementerian/Jabatan dalam sidang serta format sidang tersebut atau tugas yang perlu dikendalikan.
- 2.3 Garis panduan bilangan penyertaan pegawai/kakitangan adalah seperti berikut:-
  - i) Mesyuarat di peringkat Menteri bolehlah disertai bersama tidak lebih daripada tiga (3) orang pegawai kanan termasuk Setiausaha Tetap atau Timbalan Setiausaha Tetap dan dua orang pegawai kanan;



- ii) Bagi mesyuarat di peringkat Timbalan Menteri bolehlah disertai oleh tidak lebih daripada dua (2) orang pegawai kanan termasuk Setiausaha Tetap atau Timbalan Setiausaha Tetap dan seorang pegawai kanan. Walaubagaimanapun Timbalan Menteri yang diberikan kebenaran untuk mengetuai delegasi ke Mesyuarat di peringkat Menteri, dibolehkan menggunakan peraturan diperenggan (i) di atas;
- iii) Mesyuarat di peringkat pegawai Kanan yang dihadiri oleh peringkat Setiausaha Tetap atau Timbalan Setiausaha Tetap bolehlah disertai bersama oleh dua (2) orang pegawai kanan sahaja;
- iv) Mesyuarat di peringkat "*working group*" yang dihadiri oleh peringkat Ketua Jabatan dan kebawah bolehlah disertai bersama oleh seorang pegawai sahaja;
- v) Bagi mesyuarat yang memerlukan kehadiran lebih dari jumlah yang dinyatakan di para (i), (ii), (iii), dan (iv) di atas hendaklah mendapat kebenaran khas daripada Jabatan Perdana Menteri;
- vi) Walaubagaimanapun bagi mesyuarat yang memerlukan perwakilan dari pelbagai agensi, wakil setiap agensi hendaklah tidak melebihi dua (2) orang kecuali mendapat kebenaran dari Jabatan Perdana Menteri.

### 3. SYARAT-SYARAT LAIN

- 3.1 Dalam keadaan dimana penyertaan Negara/Kementerian tidak begitu aktif atau semata-mata sebagai tanda hormat (*courtesy*) sahaja atau di mana tambahan bilangan penyertaan diperlukan, maka adalah bersesuaian dan lebih diutamakan pegawai-pegawai dari Suruhanjaya atau Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Negara berkenaan sahaja untuk hadir atau ikut hadir. Permohonan/sokongan itu perlu dihadapkan ke Jabatan Perdana Menteri dimana kebenaran mengenainya dimaklumkan ke Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum persidangan atau mesyuarat diadakan;
- 3.2 Laporan selepas menjalankan tugas atau menghadiri persidangan/mesyuarat itu hendaklah dihadapkan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan tidak lewat dari satu (1) minggu selepas tamat bertugas atau menghadiri persidangan/mesyuarat. Mana-mana pegawai yang belum menghadapkan laporan tidak boleh dibenarkan menghadiri persidangan/mesyuarat selanjutnya;
- 3.3 Penyertaan pegawai-pegawai dari pelbagai Kementerian/Jabatan mestilah mendapatkan persetujuan awal dari Yang Berhormat Menteri masing-masing;



- 3.4 Peruntukan yang digunakan akan dikenakan kepada akaun Perkhidmatan Rampaian Jabatan Perbendaharaan. Wang pendahuluan, jika berlebihan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan laporan kira-kira kepada Jabatan Perbendaharaan dalam tempoh dua (2) minggu selepas tamat bertugas atau menghadiri persidangan/mesyuarat. Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan bahawa mana-mana pegawai yang belum menghadapkan laporan kira-kira untuk tidak dibenarkan menghadiri sebarang persidangan/mesyuarat selanjutnya.

#### 4. KEMUDAHAN-KEMUDAHAN

Kemudahan-kemudahan bagi menghadiri persidangan/mesyuarat adalah seperti berikut:

##### 4.1 Elaun Sara Hidup

- 4.1.1 Kadar elaun sarahidup bagi pegawai-pegawai pengiring dan yang dihantar bertugas adalah seperti yang diterangkan dibawah:

- |  | <b>KADAR<br/>SEHARI</b> |
|--|-------------------------|
| i) Pegawai-pegawai yang mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Ahli Rombongan yang mengambil bahagian di dalam sebarang perundingan seperti dimaksudkan berikut:  | \$500                   |
| <p>Siapa yang mendapat limpah kurnia titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengiringi keberangkatan Baginda dan menjadi ahli panel utama serta terlibat dalam perundingan/mesyuarat bersama-sama Baginda. Sebagai contoh: dalam Mesyuarat-Mesyuarat Ketua-Ketua Negara atau Kerajaan Negara-Negara ASEAN yang mana Baginda berangkat menghadirinya, selain daripada yang dititahkan secara khusus oleh Baginda, maka pegawai-pegawai berikut yang mengiringi Baginda dalam mesyuarat ini boleh dibayar elaun menurut kadar ini, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Ketua rombongan Negara ini yang menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri; dan</li><li>• Ketua rombongan Negara ini yang menghadiri Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan.</li></ul> |                         |
| ii) Putera-Putera / Puteri-Puteri Sultan Yang Gahara yang mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;   | \$400                   |



- iii) Lain-lain pegawai atau orang perseorangan yang mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti dimaksudkan berikut: \$360

Siapa yang secara khusus mendapat limpah kurnia titah perintah untuk mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Akan tetapi, sesiapa yang diarahkan termasuk Ketua Pejabat untuk membuat tugas yang berkaitan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu dalam tempoh yang sama atau tidak adalah dibayar menurut kadar yang ditentukan bagi setiap bahagian di perenggan (v), (vi), (vii) dan (viii) dalam peraruran ini;

- iv) Siapa juga yang dititahkan dengan urusan pergi ke London atau dititahkan mengiringi keberangkatan Putera-Putera/Puteri-Puteri Diraja. Akan tetapi, bagi Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai dalam Bahagian I dan ke bawah yang ikut menghadiri mesyuarat secara kebetulan bersama-sama dengan Ahli Kerabat Diraja dan tidak disebutkan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai mengiringi keberangkatan Ahli Kerabat Diraja berkenaan, maka elaun sara hidup masing-masing adalah dibayar menurut kadar yang ditentukan mengikut skala gaji; \$270
- v) Sesiapa juga yang dititahkan pergi ke Singapura atau lain-lain tempat (selain dari London) atas urusan Diraja; \$180
- vi) Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-Timbalan Menteri dan mana mana jawatan yang bertaraf Menteri atau Timbalan Menteri; \$375
- vii) Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Diraja, Majlis Ugama Islam Brunei, Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap; \$300
- viii) Rakyat Asing yang berkhidmat dengan Kerajaan yang memegang jawatan Jururawat, Amah dan pemegang jawatan-jawatan yang sebanding dengannya, yang ikut serta dalam rombongan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau yang dititahkan ikut serta dalam rombongan Putera-Putera/Puteri-Puteri Diraja; \$100



- 4.1.2 Kadar elaun sara hidup bagi pegawai/kakitangan yang menghadiri persidangan/mesyuarat adalah seperti berikut:- **KADAR SEHARI**
- |      |  |       |
|------|--|-------|
| i)   | Ketua-Ketua Jabatan dalam tanggagaji <i>Superscale Special</i> , A, B dan C; | \$225 |
| ii)  | Kumpulan 1,2,3 dan Bahagian II atau yang sebanding; dan                      | \$180 |
| iii) | Bahagian III atau sebanding dan kebawah;                                     | \$120 |
- 4.1.3 Pembayaran elaun sara hidup bagi pegawai/kakitangan yang mengikuti persidangan/mesyuarat akan bermula dan berakhir mengikut jarak destinasi termasuk tempoh perjalanan dan *transit* seperti kaedah berikut:
- |      |   |  |
|------|---|--|
| i)   | Satu (1) hari sebelum dan satu (1) hari selepas bertugas/mesyuarat/persidangan bagi jumlah tempoh perjalanan dan <i>transit</i> yang kurang daripada 12 jam;                  |  |
| ii)  | Dua (2) hari sebelum dan dua (2) hari selepas bertugas/mesyuarat/persidangan bagi jumlah tempoh perjalanan dan <i>transit</i> melebihi 12 jam dan kurang daripada 24 jam; dan |  |
| iii) | Tiga (3) hari sebelum dan tiga (3) hari selepas bertugas/mesyuarat/persidangan bagi jumlah tempoh perjalanan dan <i>transit</i> melebihi 24 jam.                              |  |
- 4.2 **Kemudahan dan Elaun Pengangkutan**
- 4.2.1 Suruhanjaya Tinggi/Kedutaan Besar/Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri akan menyediakan pengangkutan khusus kepada Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai dalam tanggagaji *Superscale Special* dan mana-mana jawatan yang bertaraf Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap dan jawatan dalam tanggagaji *Superscale Special* dan keatas sahaja termasuk mana-mana pegawai yang ikut serta dalam rombongan berkenaan;
- 4.2.2 Pegawai-pegawai yang tidak dinyatakan dalam perenggan 4.2.1 di atas akan dihulurkan elaun pengangkutan seperti berikut:
- |     |  |  |
|-----|--|--|
| i)  | Bagi perjalanan dari Lapangan Terbang ke Tempat Penginapan dan dari tempat Penginapan ke Lapangan Terbang; |  |
| ii) | Bagi perjalanan harian dari tempat penginapan hingga ke tempat persidangan/mesyuarat dan balik.            |  |



- 4.2.3 Kadar elaun pengangkutan bagi dari Lapangan Terbang ke Tempat Penginapan/Tempat Penginapan ke Lapangan Terbang dan bagi perjalanan harian sepertimana yang diperuntukkan dalam perenggan 4.2.2 di atas adalah seperti dalam **LAMPIRAN 2**;
- 4.2.4 Walau bagaimanapun kemudahan pengangkutan boleh disediakan oleh pihak Suruhanjaya Tinggi/Kedutaan Besar/Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri atas sebab-sebab keselamatan dimana kos pengangkutan akan dikenakan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan;
- 4.2.5 Elaun pengangkutan tidak akan dihulurkan kepada pegawai-pegawai yang ikut serta dalam rombongan Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap dan mana-mana jawatan yang bertaraf Menteri Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha dimana kemudahan pengangkutan disediakan oleh Suruhanjaya Tinggi/Kedutaan Besar/Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri; dan
- 4.2.6 Elaun pengangkutan tidak akan dihulurkan jika kemudahan pengangkutan bagi *airport transfer* atau dari penginapan ke mesyuarat disediakan oleh pihak penganjur dan jika persidangan/mesyuarat diadakan di tempat yang sama elaun harian pengangkutan tidak akan diberikan.

#### 4.3 Tambang Penerbangan

- 4.3.1 Penerbangan hendaklah menggunakan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB). Jika RB tidak menawarkan penerbangan ke destinasi tersebut, penerbangan hendaklah menggunakan RB sehingga ke destinasi *transit* yang terdekat dengan Negara penganjur kepada persidangan/mesyuarat. Pengurusan Sumber Tenaga Manusia di setiap Kementerian/Jabatan hendaklah mendapatkan sebut harga yang mana garis panduannya akan ditetapkan oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan;
- 4.3.2 Mana-mana pegawai yang mengubah destinasi, sektor dan kelas penerbangan tanpa kebenaran awal daripada Jabatan Perbendaharaan, dan jika terdapat kos tambahan bagi menampung dari perubahan tersebut, ianya akan dikutip balik daripada pegawai berkenaan;
- 4.3.3 Pegawai dan Kakitangan adalah dikehendaki pulang mengikut penerbangan yang terawal (*earliest available flight*), Walaubagaimanapun jika tidak terdapat penerbangan yang terawal, perbelanjaan tambahan penginapan yang bersesuaian boleh dihulurkan oleh Kerajaan;
- 4.3.4 Kelayakan kelas-kelas tambang penerbangan untuk menjalankan tugas-tugas rasmi atau menghadiri mesyuarat/persidangan adalah seperti berikut:



- i) **Kelas Pertama**  
Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Diraja, Timbalan-Timbalan Menteri, atau mana-mana jawatan yang bertaraf Menteri atau Timbalan Menteri;
- ii) **Kelas Perdagangan**  
Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, dan pemegang-pemegang jawatan dalam tanggagaji *Superscale Special*, *Superscale A*, B dan C atau jawatan yang setaraf atau lebih tinggi dan mana-mana jawatan atau lantikan khas kepada batang tubuh; dan
- iii) **Kelas Ekonomi:**
  - a) Pegawai-Pegawai dalam tanggagaji Superscale A, B dan C bagi jarak penerbangan tidak lebih daripada tiga (3) jam; dan
  - b) Pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan dalam tanggagaji Kumpulan 1 atau sebanding dan kebawah.

#### 4.4 Kemudahan Tempat Penginapan

- 4.4.1 Jenis bilik-bilik hotel yang diperuntukkan dan ditetapkan **adalah** mengikut jenis-jenis bilik seperti berikut:

Kategori	Penginapan/Hotel
i) Kerabat Diraja (Adinda - Adinda KDYMM Sahaja);	<i>Presidential Suite</i> atau sebanding
ii) Menteri dan jawatan-jawatan yang bertaraf Menteri;	<i>Ambassador Suite</i> atau sebanding
iii) Timbalan Menteri dan jawatan-jawatan yang bertaraf Timbalan Menteri;	<i>Junior Suite</i>
iv) Setiausaha Tetap; dan	<i>Deluxe</i>
v) Timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai dalam tanggagaji <i>Superscale Special</i> , A, B dan C dan Pegawai-Pegawai Kerajaan dalam tanggagaji Kumpulan 1 atau sebanding dan kebawah.	<i>Standard</i>

- 4.4.2 Jabatan Perbendaharaan akan menyediakan senarai hotel-hotel yang dibenarkan dari masa kesemasa. Mana-mana tempat penginapan yang tidak termasuk di dalam senarai tersebut hendaklah mendapat terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Jabatan Perbendaharaan.



- 4.4.3 Ketua-Ketua Jabatan hendaklah melengkapkan borang seperti di **LAMPIRAN 3** dan menghadapkan ke Jabatan Perbendaharaan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja sebelum pegawai/kakitangan menghadiri persidangan/mesyuarat untuk membolehkan urusan-urusan berkaitan seperti pembayaran elaun sara hidup dibuat dalam masa yang ditetapkan;
- 4.4.4 Kerajaan hanya akan menanggung pembayaran tempat penginapan dan *internet access* sahaja akan tetapi perbelanjaan-perbelanjaan peribadi/persendirian seperti makanan, minuman, dobi, telefon dan sebagainya akan dibayar oleh pegawai-pegawai itu sendiri; dan
- 4.4.5 Pegawai/kakitangan yang membuat persinggahan (*transit*) dalam tempoh enam (6) hingga dua belas (12) jam akan diberikan kemudahan tempat penginapan di kawasan Lapangan Terbang atau hotel yang berdekatan (*transit hotel*) sahaja. Manakala jika melebihi tempoh dua belas (12) jam akan diberikan tempat penginapan di luar kawasan Lapangan Terbang.
5. Badan berkanun adalah dinasihatkan untuk menggunakan peraturan-peraturan dalam Surat Keliling ini dalam menyediakan kemudahan-kemudahan keatas pegawai-pegawai yang menghadiri persidangan / mesyuarat.
6. Surat Keliling ini berkuat kuasa mulai **15 April 2015** dan dengan ini Surat-Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 18/1995, 6/1997, dan 10/1999 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

**"Tanpa Jenayah Masyarakat Aman Damai"**

**[YAHYA-BIN HAJI IDRIS]**  
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri  
Istana Nurul Iman  
Bandar Seri Begawan  
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : ( 5 ) JPM/SK/2015  
Tarikh : 24 Jamadilakhir 1436  
14 April 2015

**Rujukan: JPM/SK 5/2015**

**SENARAI BADAN-BADAN BERKANUN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB)  
*Brunei Economic Development Board (BEDB)*
2. Institut Penyelidikan Tenaga Kebangsaan Brunei  
*Brunei National Energy Research Institute (BNERI)*
3. Pusat Strategik dan Kajian Dasar  
*Centre for Strategic and Policy Studies (CSPS)*
4. Pihak berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam  
*Authority for Info-Communications Technology Industry (AITI)*
5. Agensi Pelaburan Brunei  
*Brunei Investment Agency (BIA)*
6. Tabung Amanah Pekerja  
*Employees' Trust Fund (TAP)*
7. Autoriti Monetari Brunei Darussalam  
*Authority Monetary Brunei Darussalam (AMBD)*
8. *Brunei Depository Protection Corporation (BDPC)*
9. University of Brunei Darussalam (UBD)
10. University Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
11. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB)
12. Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (YSHHB)
13. Institute of Brunei Technical Education (IBTE)
14. Polytechnic Brunei (PTB)
15. Pihak Berkuasa Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan  
*Authority Building Control Industry (ABCI)*
16. Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB)



Rujukan: JPM/SK 5/2015

**KADAR ELAUN PENGANGKUTAN DARI LAPANGAN TERBANG KE TEMPAT  
PENGINAPAN DAN TEMPAT PENGINAPAN KE LAPANGAN TERBANG DAN  
ELAUN PENGANGKUTAN HARIAN**

NEGERI	ELAUN PENGANGKUTAN (LAPANGAN TERBANG KE TEMPAT PENGINAPAN DAN TEMPAT PENGINAPAN KE LAPANGAN TERBANG)	ELAUN PENGANGKUTAN HARIAN
AFGANISTAN	200	50
ALBANIA	200	50
ALGERIA	200	50
AMERICAN SAMOA	200	50
ANGOLA	200	50
ANTIGUA	200	50
ARGENTINA	200	50
ARMENIA	200	50
AUSTRALIA	300	75
AUSTRIA	300	75
AZERBAIZAN	300	75
BAHAMAS	200	50
BAHRAIN	200	50
BANGLADESH	200	50
BARBADOS	200	50
BARBUDA	200	50
BELARUS	200	50
BELGIUM	300	75
BELIZE	200	50
BENIN	200	50
BERMUDA	200	50
BHUTAN	200	50
BOLIVIA	200	50
BOTSWANA	200	50
BRITISH VIRGIN ISLANDS	200	50
BRAZIL	200	50
BULGARIA	200	50
BURUNDI	200	50
CAMBODIA	200	50
CAMEROON	200	50
CANADA	300	75
CAPE VERDA	200	50
CAYMAN ISLAND	200	50
CENTRAL AFRICAN REPUBLIC	200	50
CHAD	200	50
CHILE	200	50
CHINA	300	75
COLOMBIA	200	50
CONGO	200	50
COOK ISLANDS	200	50
COMOROS	200	50
COSTA RICA	200	50
CYPRUS	200	50
CZECH REPUBLIC	300	75
DENMARK	300	75
DJIBOUTI	200	50



Rujukan: JPM/SK 5/2015

**KADAR ELAUN PENGANGKUTAN DARI LAPANGAN TERBANG KE TEMPAT  
PENGINAPAN DAN TEMPAT PENGINAPAN KE LAPANGAN TERBANG DAN  
ELAUN PENGANGKUTAN HARIAN**

NEGERI	ELAUN PENGANGKUTAN (LAPANGAN TERBANG KE TEMPAT PENGINAPAN DAN TEMPAT PENGINAPAN KE LAPANGAN TERBANG)	ELAUN PENGANGKUTAN HARIAN
DOMINICA	200	50
DOMINICAN REPUBLIC	200	50
ECUADOR	200	50
EGYPT	200	50
EL SALVADOR	200	50
EQUATORIAL GUINEA	200	50
ESTONIA	200	50
ETHIOPIA	200	50
FIJI	200	50
FINLAND	300	75
FRANCE	300	75
FRENCH GUIANA	200	50
GABON	200	50
GAMBIA	200	50
GERMANY	300	75
GHANA	200	50
GREECE	200	50
GRENADA	200	50
GUADELOUPE	200	50
GUAM	200	50
GUATEMALA	200	50
GUINEA	200	50
GUINEA-BISSAU	200	50
GUYANA	200	50
HAITI	200	50
HONDURAS	200	50
HONGKONG	300	75
HUNGARY	300	75
ICELAND	300	75
INDIA	200	50
INDONESIA	200	50
IRAN	200	50
IRAQ	200	50
IRELAND	300	75
ITALY	300	75
JAMAICA	200	50
JAPAN	300	75
JORDAN	200	50
KAZAKHSTAN	200	50
KENYA	200	50
KIRIBATI	200	50
KOREA, SOUTH	300	75
KUWAIT	200	50
KYRGYSTAN	200	50
LAO PEOPLE'S DEMOCRATIC REPUBLIC	200	50

Rujukan: JPM/SK 5/2015

**KADAR ELAUN PENGANGKUTAN DARI LAPANGAN TERBANG KE TEMPAT  
PENGINAPAN DAN TEMPAT PENGINAPAN KE LAPANGAN TERBANG DAN  
ELAUN PENGANGKUTAN HARIAN**

NEGERI	ELAUN PENGANGKUTAN (LAPANGAN TERBANG KE TEMPAT PENGINAPAN DAN TEMPAT PENGINAPAN KE LAPANGAN TERBANG)	ELAUN PENGANGKUTAN HARIAN
LATVIA	200	50
LEBANON	200	50
LESOTHO	200	50
LIBERIA	200	50
LIBYAN ARAB JAMAHIRIYA	200	50
LITHUANIA	200	50
LUXEMBOURG	300	75
MACAO	200	50
MADAGASCAR	200	50
MALAWI	200	50
MALAYSIA	200	50
MALDIVES	200	50
MALI	200	50
MALTA	200	50
MARTINIQUE	200	50
MAURITANIA	200	50
MAURITIUS	200	50
MEXICO	200	50
MOLDOVA, REPUBLIC OF	200	50
MONACO	300	75
MONGOLIA	200	50
MONTSERRAT	200	50
MOROCCO	200	50
MOZAMBIQUE	200	50
MYANMAR	200	50
NAMIBIA	200	50
NAURU	200	50
NEPAL	200	50
NETHERLANDS	300	75
NETHERLANDS ANTILLES	300	75
NEW CALEDONIA	200	50
NEW ZEALAND	300	75
NICARAGUA	200	50
NIGER	200	50
NIGERIA	200	50
NIUE	200	50
NORWAY	300	75
OMAN	200	50
PAKISTAN	200	50
PANAMA	200	50
PAPUA NEW GUINEA	200	50
PARAGUAY	200	50
PERU	200	50
PHILIPPINES	200	50
POLAND	200	50



Rujukan: JPM/SK 5/2015

**KADAR ELAUN PENGANGKUTAN DARI LAPANGAN TERBANG KE TEMPAT  
PENGINAPAN DAN TEMPAT PENGINAPAN KE LAPANGAN TERBANG DAN  
ELAUN PENGANGKUTAN HARIAN**

NEGERI	ELAUN PENGANGKUTAN (LAPANGAN TERBANG KE TEMPAT PENGINAPAN DAN TEMPAT PENGINAPAN KE LAPANGAN TERBANG)	ELAUN PENGANGKUTAN HARIAN
PORTUGAL	300	75
PUERTO RICO	200	50
QATAR	200	50
REUNION	200	50
ROMANIA	200	50
RUSSIAN/FEDERATION	300	75
RWANDA	200	50
SAMOA	200	50
SAO TOME & PRINCIPE	200	50
SAUDI ARABIA	200	50
SENEGAL	200	50
SEYCHELLES	200	50
SIERRA LEONE	200	50
SINGAPORE	200	50
SOLOMON ISLANDS	200	50
SOMALIA	200	50
SOUTH AFRICA	200	50
SPAIN	300	75
SRI LANKA	200	50
ST KITTS/NEVIS	200	50
ST LUCIA	200	50
ST VINCENT	200	50
SUDAN	200	50
SURINAME	200	50
SWAZILAND	200	50
SWEDEN	300	75
SWITZERLAND	300	75
SYRIAN ARAB REPUBLIC	200	50
TAHITI	300	75
TAIWAN	300	75
TAJIKISTAN	200	50
TANZANIA, REPUBLIC OF	200	50
THAILAND	200	50
TOGO	200	50
TONGA	200	50
TRINIDAD & TOBAGO	200	50
TRUST TERRITORY OF THE PACIFIC ISLANDS	200	50
TUNISIA	200	50
TURKEY	200	50
TURKMENISTAN	200	50
TURKS & CAICOS ISLAND	200	50
TUVALU	200	50
UGANDA	200	50
UKRAINE	300	75
UNITED ARAB EMIRATES	300	75



**Rujukan: JPM/SK 5/2015****KADAR ELAUN PENGANGKUTAN DARI LAPANGAN TERBANG KE TEMPAT  
PENGINAPAN DAN TEMPAT PENGINAPAN KE LAPANGAN TERBANG DAN  
ELAUN PENGANGKUTAN HARIAN**

NEGERI	ELAUN PENGANGKUTAN (LAPANGAN TERBANG KE TEMPAT PENGINAPAN DAN TEMPAT PENGINAPAN KE LAPANGAN TERBANG)	ELAUN PENGANGKUTAN HARIAN
UNITED KINGDOM	300	75
UNITED STATES OF AMERICA	300	75
URUGUAY	200	50
US VIRGIN ISLANDS	200	50
UZBEKISTAN	200	50
VANUATU	200	50
VENEZUELA	200	50
VIETNAM	200	50
WALLIS ISLAND	200	50
YEMEN, REPUBLIC OF	200	50
YUGOSLAVIA	200	50
ZAIRE	200	50
ZAMBIA	200	50
ZIMBABWE	200	50



Rujukan: JPM/SK 5/2015

**BORANG MAKLUMAT MENGHADIRI PERSIDANGAN DAN MESYUARAT**Yang Berhormat  
Menteri

Dengan hormat, sukacita kaola hadapkan sokongan pegawai berikut untuk menghadiri (nama persidangan atau mesyuarat)

Negara Tuan Rumah \_\_\_\_\_

Tempat diadakan \_\_\_\_\_  
(Nota: sila nyatakan nama tempat dimana persidangan/mesyuarat/Latihan dan kursus diadakan seperti hotel dan sebagainya)

Tempoh \_\_\_\_\_ Hari

Ketua Rombongan \_\_\_\_\_

Jawatan dan tanggungaji \_\_\_\_\_

Ahli Rombongan	Kelas Penerbangan
1) _____	_____
2) _____	_____
3) _____	_____
4) _____	_____

Jadual Penerbangan  
termasuk persinggahan  
(Transit) \_\_\_\_\_  
sila lampirkan jadual penerbangan

Tiga (3) Sebut harga dari

Syarikat-Syarikat

Pengembaraan yang

diluluskan

i) \_\_\_\_\_

ii) \_\_\_\_\_

iii) \_\_\_\_\_

Tempat Penginapan \_\_\_\_\_  
(Nota: sila nyatakan nama hotel atau tempat penginapan)

Harga Semalam \_\_\_\_\_ BNDS

Tempat Penginapan  
semasa persinggahan  
(transit) \_\_\_\_\_  
(Nota: sila nyatakan nama hotel atau tempat penginapan)

Kadar Elaun sara hidup \_\_\_\_\_ Sehari x \_\_\_\_\_ Hari = \_\_\_\_\_ BNDS

Tajuk Peruntukan \_\_\_\_\_

Baki Peruntukan \_\_\_\_\_

Sekian dihadapakan untuk kebenaran Yang Berhormat Pehin selanjutnya

Setiausaha Tetap  
Kementerian

42

Rujukan: JPM/SK 5/2015

Yang Mulia  
Setiausaha Tetap

Yang Berhormat Menteri

Rujukan:  
Tarikh:UNTUK DIISIKAN OLEH JABATAN PERBENDAHARAAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN

Peruntukan

☐

Mencukupi

☐

Tidak Mencukupi

Elaun Sara Hidup

Elaun Pengangkutan

☐

Airport Transfer

☐

Pengangkutan Harian

Syarikat Pengembaraan

Tempat Penginapan

☐

Dibenarkan

☐

Tidak dibenarkan

**NOTA** Borang ini hendaklah dihantar dua (2) minggu sebelum menghadiri persidangan dan mesyuarat ke Jabatan Perbendaharaan samada melalui fax atau email berikut;

Faksimili : 2383495

Email : [FSTreasury@treasury.mof.gov.bn](mailto:FSTreasury@treasury.mof.gov.bn)Jurukira Agung  
Jabatan Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan